



## **PESAN PASKAH 2020 KEPADA SEMUA KLERUS, RELIGIUS DAN UMAT BERIMAN KEUSKUPAN AGUNG KUALA LUMPUR**

*Saudara dan Saudari ku yang terkasih dalam Kristus,*

*Paskah 2020 ini akan diingati sebagai Paskah di mana kita tidak dapat berhimpun sebagai sebuah komuniti beriman untuk menyaksikan dan mengambil bahagian dalam ritual dan tradisi. Ia adalah Paskah di mana bejana pembaptisan kosong dan kering. Sebuah Paskah di mana bangku-bangku Gereja yang kosong dan ketiadaan bunyi loceng Gereja. Di mana kita harus menjarakkan diri secara fizikal dan hanya dapat bersatu melalui Misa Kudus siaran langsung dalam talian dan platform-platform media sosial. Tetapi kita tetap dapat dihiburkan meskipun ini adalah Paskah yang belum pernah terjadi sebelumnya, yang belum pernah dialami oleh mana-mana daripada kita bahawa inti pesan Paskah tetap sama seperti tahun-tahun sebelumnya iaitu 'Harapan'*

Beberapa bulan lalu yang telah menjadi masa ketidakpastian, dan bagi ramai orang Harapan adalah sesuatu yang kelihatannya tipis. Dalam banyak cara, dunia dan Gereja sedang melalui masa-masa gelap pada masa ini, dan persoalannya adalah bagaimana untuk memahami kegelapan ini.

Tiada apa-apa yang dapat membawa harapan kembali melainkan Paskah ketika Yesus mengalahkan kematian dan putus asa, jadi pada masa ini, mari kita memilih untuk berharap dan bersukacita, di atas segalanya. Ini adalah kerana pesan Paskah memberikan kita harapan dalam dunia yang membingungkan dan memberikan harapan dalam menghadapi ketidakpastian masa depan. " Mengapa engkau tertekan, hai jiwaku, dan mengapa engkau gelisah di dalam diriku? Berharaplah kepada Allah! Sebab aku bersyukur lagi kepada-Nya, penolongku dan Allahku! (Mazmur 42:11).

Sebagai umat Katolik, harapan adalah salah satu pemberian paling penting yang dapat kita berikan kepada dunia hari ini. Di dunia yang sering terdapat realiti penderitaan, keganasan dan ketidakadilan, kita dipanggil untuk menjadi umat harapan. Ini bukan harapan manusia yang biasa-biasa.

Inilah harapan yang datang kepada kita melalui kebangkitan Yesus. Dalam menghadapi kesedihan, kesukaran dan kesakitan, kita dipanggil untuk mencari dan berandal kepada Yesus yang dibangkitkan dan bukan hanya dengan kekuatan dan sumber kita sendiri. Kita adalah Gereja yang menceritakan kisah tragedi ilahi dan berharap kepada diri kita sendiri, kepada sesama dan kepada masyarakat sekitar kita. Bagi mereka yang menderita, kita adalah pendita harapan. Kepada mereka yang terbatas kerana sistem kuasa, kita adalah pewarta pembebasan. Untuk sistem yang menindas, kita mengambil bahagian, kita adalah pencerita keadilan. Mari kita ceritakan kisah Yesus pada Paskah ini.

Paskah kali ini, meskipun kita harus berada di rumah masing-masing, marilah kita mengubah diri kita sendiri; memusatkan hati dan fikiran kita kepada Kristus; untuk disegarkan dan dikuatkan, dan kemudian diutus sekali lagi kepada semua orang dan tempat-tempat dalam kehidupan kita, untuk menjadi Berita Baik di tengah-tengah semua orang yang agar mereka dapat menemui kepenuhan kehidupan dalam kehidupan mereka.

Pada masa krisis juga memberikan peluang - untuk memperhatikan semula siapa kita, untuk menjadi lebih sedar diri, untuk menjadi lebih penyayang, lebih berbelas kasihan. Virus ini adalah ujian - bukan terhadap Tuhan sebaliknya kita sendiri. Ia mencabar kita untuk keluar dari zon selesa kita. Paskah yang pertama kalinya di mana umat beriman berjauhan dengan umat lain, berada di dalam bilik, bersembunyi dengan ketakutan yang berbeza. Seperti yang dialami oleh para murid, ketakutan mereka bukannya berdasarkan pandemik, tetapi takut kepada pihak berkuasa agama dan politik yang telah menyalibkan Yesus dan kemungkinan akan menangkap mereka juga.

Kebangkitan Tuhan harus menghidupkan kembali harapan kita yang lemah dan meneguhkan semula kepercayaan kita yang goyah. Paskah mengajak kita untuk tidak terkunci kepada diri kita sendiri, tetapi untuk mendengarkan Tuhan dan melihat Dia berbicara dan menemani setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak dengan menghulurkan cinta-Nya dan kehidupan kekal. *Dan bukan hanya itu saja. Kita malah bermegah juga dalam kesengsaraan kita, kerana kita tahu, bahawa kesengsaraan itu menimbulkan ketekunan, dan ketekunan menimbulkan tahan uji dan tahan uji menimbulkan pengharapan. Dan pengharapan tidak mengecewakan, kerana kasih Allah telah dicurahkan di dalam hati kita oleh Roh Kudus yang telah dikaruniakan kepada kita (Roma 5: 3-5).*

Pada masa ini di mana kita tidak dapat bertemu dengan Kristus di dalam perhimpunan atau Ekaristi, kita sentiasa berpeluang untuk menemui Kristus di kalangan yang lemah. Kita semua boleh melakukan sesuatu, untuk seseorang, pada masa ini.

Banyak perkara telah dibatalkan kerana COVID-19 tetapi cinta dan belas kasihan tidak ada di antara mereka. Lakukan apa yang anda boleh untuk membantu orang lain, terutama orang tua, kurang upaya, miskin dan terpencil, dan jangan menutup hati anda kepada orang yang tiada tempat tinggal dan pendarang yang lebih menderita daripada yang lain. Biarlah hati anda terbuka kepada semua yang memerlukan. Berdoalah untuk mereka, berhubung dengan mereka melalui doa atau panggilan telefon.

Harapan dan doa saya bagi semua kita pada Paskah ini ialah, walaupun kita merasa terperangkap dalam pengasingan yang meresahkan, kita harus memiliki iman bahawa cinta akan menang; bahawa kehidupan dengan makna yang lebih, sedang menanti kita semua. Semoga harapan Paskah dapat dicapai dalam kehidupan setiap orang, khususnya mereka yang sangat bergelut kuat untuk mencari harapan dalam keadaan yang tidak sukar dijangka.

Semoga kita semua diperbaharui dan diubah pada Paskah ini dan seterusnya memperbaharui dan mengubah orang lain. Kita, Gereja, harus menjadi tanda Harapan dalam komuniti dan dunia kita. Semoga kesengsaraan, kematian dan Kebangkitan Yesus Kristus memberi inspirasi kepada kita untuk menjadi pemberi kehidupan. **SUNGGUH YESUS SUDAH BANGKIT! ALLELUIA!**

“Kita tahu, bahawa Kristus, sesudah Ia bangkit dari antara orang mati, tidak mati lagi: maut tidak berkuasa lagi atas Dia.” (Roma 6:9).

**Selamat hari Paskah yang penuh berkat dan sukacita.**

Yang Mengasihi,



**+ Most Reverend Julian Leow Beng Kim**  
**Uskup Agung**  
**Keuskupan Agung Kuala Lumpur**